



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BUKU PANDUAN INTERVENSI KRISIS

Critical Incident Stress Management (CISM)



Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) @ BPsK, KPM

Pertama 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa-apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau secara lain sebelum mendapat izin daripada Setiausaha Bahagian, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Tiada sebarang bentuk keuntungan kewangan boleh diperolehi, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung daripada penerbitan semula seperti di atas.

Notis Penerbitan / Penafian

Maklumat yang terkandung di dalam buku ini bertujuan untuk pendidikan semata-mata. Maklumat tersebut bukanlah pengganti kepada nasihat atau saranan yang mungkin anda terima daripada Kaunselor Bertauliah anda atau mana-mana pihak berkuasa. Bahagian Psikologi dan Kaunseling dan Kementerian Pendidikan Malaysia menafikan sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak yang menggunakan maklumat di dalam buku ini sebagai asas untuk membuat keputusan atau tindakan.

Penerbit, Ketua Editor, Editor, Panel Penulis dan semua yang terlibat dalam penerbitan buku ini tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana kerugian, kehilangan atau risiko yang ditanggung oleh orang perseorangan atau seumpamanya, yang timbul akibat daripada penggunaan yang salah dan tanpa bimbingan yang betul daripada pengamal kaunseling yang bertauliah atau yang telah diberi kebenaran/ lesen mana-mana kandungan buku ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Penerbit



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Bahagian Psikologi Dan Kaunseling (BPsK)
Aras 1, Blok E9
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Kata Alu-Aluan

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Syabas dan tahniah kepada Bahagian Psikologi dan Kaunseling atas kejayaan menyediakan Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sesungguhnya, usaha ini merupakan nilai tambah dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk memperkasakan perkhidmatan Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling.

Krisis adalah “*an emotionally hazardous situation*”, iaitu situasi yang mengganggu dan mengancam emosi serta berkait dengan perubahan sosial dalam lingkungan kewujudan individu seperti perubahan jangkaan terhadap diri atau hubungan dengan orang lain. **Intervensi krisis** ialah rawatan kecemasan psikologikal kepada mangsa krisis untuk membantu mereka kembali ke tahap kefungsian adaptif dan mencegah atau mengurangkan impak negatif daripada trauma.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO 2008), kesejahteraan adalah keadaan di mana individu menyedari keupayaannya sendiri, dapat mengatasi tekanan normal kehidupan, dapat bekerja dengan produktif dan bermanfaat, juga mampu memberi sumbangan kepada komuniti. Di Malaysia, pada tahun 2019 Kementerian Kesihatan Malaysia telah merekodkan sebanyak 2.3 peratus orang dewasa dan 9.5 peratus kanak-kanak mengalami masalah mental. Peranan Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling yang kompeten amat penting untuk membantu kesejahteraan masyarakat.

Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) ini merupakan panduan bagi membantu Kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan Dan Kaunseling untuk melaksanakan intervensi krisis dalam lingkungan pendidikan. Buku ini menerangkan langkah-langkah, strategi, dan sumber daya yang dapat digunakan oleh para pendidik dan personel pendidikan dalam memberikan respon yang cepat dan efektif terhadap krisis yang mungkin terjadi. Pemahaman yang mendalam berkaitan pengendalian krisis dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan psikologi dan kaunseling di organisasi masing-masing. Justeru dengan pembinaan buku ini diharapkan akan dapat membantu Kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan Dan Kaunseling dalam melaksanakan intervensi krisis.

Sekali lagi syabas dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembinaan Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) ini. Besarlah harapan saya agar buku ini mampu meningkatkan kesejahteraan insan dan kualiti warga pendidik.

“Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara, Negara Sejahtera”

SELAMAT MAJU JAYA,
YB Fadhliha binti Sidek

Kata Alu-Aluan

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Syabas dan tahniah kepada Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) atas kejayaan menyediakan Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menyokong usaha meningkatkan kompetensi Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling secara menyeluruh dan bersepadu. Peningkatan kompetensi melalui Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) ini berkait rapat dengan peningkatan kualiti perkhidmatan kaunseling kepada warga pendidikan.

Justeru, Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) dibangunkan bagi menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam Anjakan Keempat: Peningkatan Kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bagi Memantapkan Kualiti Perkhidmatan Psikologi Dan Kaunseling Dalam Pengurusan Sumber Manusia di Kementerian Pendidikan Malaysia dengan meningkatkan pengetahuan serta kompetensi Kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan dan Kaunseling terutamanya kemahiran intervensi krisis ke tahap optimum secara berterusan.

Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) adalah sebagai panduan kepada Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling di setiap peringkat iaitu Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Kolej Matrikulasi, Institusi Pendidikan Guru, Kolej Vokasional dan sekolah-sekolah di bawah pengurusan KPM dalam melaksanakan intervensi krisis.

Harapan saya agar Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) ini menjadi sumber rujukan kepada Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam melaksanakan perkhidmatan yang lebih berkesan. Syabas dan tahniah sekali lagi kepada Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) atas usaha membangun dan menerbitkan Buku Panduan Intervensi Krisis ini.

“Psikologi Kaunseling Peneraju Kesejahteraan Insan”

Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi

Kata Alu-Aluan

KETUA PENGARAH
PENDIDIKAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Anak yang Baik lagi Cerdik.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) serta Jawatankuasa Pembina atas inisiatif menerbitkan Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM). Penerbitan buku Panduan ini amatlah relevan dengan langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meneruskan proses transformasi dalam sistem pendidikan negara.

Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) adalah rujukan dan panduan utama kepada Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menguruskan intervensi krisis di organisasi masing-masing sejajar dengan tema BPsk, iaitu 'Psikologi Kaunseling Peneraju Kesejahteraan Insan'. Usaha ini merupakan satu inisiatif dan idea baharu dalam mempertingkatkan kompetensi pengurusan intervensi krisis dalam perkhidmatan kaunseling KPM. Adalah menjadi aspirasi dan hasrat Kementerian ini untuk membentuk guru insani yang mempunyai personaliti seimbang, prihatin serta mempunyai nilai-nilai murni yang mampu menjadi pemangkin dalam melahirkan generasi Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) dan seterusnya membentuk masyarakat MADANI.

Perkara ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu, berakhlak, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Kestabilan emosi dan psikologi dalam masyarakat akan menjadi lebih kuat, termasuklah ketahanan dalam menghadapi krisis serta cabaran kehidupan yang menggugat kesejahteraan masyarakat kini.

Kejayaan dalam perkhidmatan turut bergantung kepada sejauh mana kefahaman serta komitmen pihak yang akan melaksanakannya. Justeru, medium bertulis seperti buku panduan ini merupakan antara kaedah yang mudah dan berkesan untuk memberikan kefahaman berkaitan sesuatu hasrat yang dilaksanakan.

Akhir kata, saya berharap agar buku panduan ini dapat memberi manfaat kepada semua warga pendidik dan semoga usaha murni ini mencapai matlamat yang diharapkan bagi menjamin perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang berkualiti di negara ini.

Datuk Haji Pkharuddin bin Haji Ghazali

Kata Alu-Aluan

**SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING**



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Tahniah kepada jawatankuasa pembina Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) atas kejayaan menerbitkan Buku Panduan yang komprehensif untuk dijadikan bahan rujukan oleh kaunselor pendidikan, guru bimbingan dan kaunseling, pengamal kaunseling serta pembekal latihan.

Buku Panduan ini mengandungi dua kategori krisis yang utama untuk rujukan kaunselor serta guru bimbingan dan kaunseling iaitu kategori krisis perkembangan dan kategori krisis situasi. Untuk kategori perkembangan terdapat dua jenis krisis iaitu Krisis Kehilangan dan Kesedihan dan Krisis Kemurungan manakala bagi kategori krisis situasi pula adalah Krisis Banjir, Krisis Pencegahan Bunuh Diri dan Krisis Trauma.

Susunan Buku Panduan ini adalah mengikut kemahiran yang diperlukan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005: Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam serta Modul Intervensi Krisis (CISM).

Penghasilan buku ini juga selari dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha pelaksanaan intervensi secara berterusan bagi memastikan warga pendidikan sentiasa memperoleh kesejahteraan diri.

Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPSK) berharap agar buku panduan ini menjadi rujukan kepada semua Kaunselor Pendidikan, Guru Bimbingan dan Kaunseling serta pengamal kaunseling.

Hajah Salmiah binti Monshie

Prakata

Intervensi krisis merupakan salah satu skop perkhidmatan dalam kaunseling selain daripada perkembangan atau pertumbuhan, pencegahan dan rawatan atau intervensi. Justeru setiap Kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan dan Kaunseling mestilah bersedia untuk menjalankan intervensi krisis bila keperluan terhadap perkhidmatan tersebut diperlukan. Namun realitinya kompetensi Kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu dimantapkan lagi untuk siapsiaga mengendalikan kes krisis atau mendepani situasi krisis. Atas keperluan inilah maka buku panduan ini disediakan supaya ilmu dan kemahiran dalam memahami dan menangani situasi krisis dapat disampaikan kepada kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan dan Kaunseling atau pihak terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan intervensi krisis.

Buku panduan ini merupakan rujukan kepada Kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan dan Kaunseling dimana ia merangkumi matlamat dan objektif, takrifan krisis, kategori jenis dan fasa, teoritikal intervensi krisis, dan pelaksanaan pengurusan intervensi krisis. Melalui penerbitan buku panduan ini diharapkan Kaunselor Pendidikan dan Guru Bimbingan dan Kaunseling dapat memahami pelaksanaan intervensi krisis dan seterusnya menghulurkan bantuan segera sekiranya diperlukan.

**Bahagian Psikologi dan Kaunseling
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Isi Kandungan

PRAKATA	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	ix
1.0 PENGENALAN	
1.1 Punca Kuasa	2
1.2 Tujuan	4
1.3 Objektif	5
1.4 Takrifan dan Kategori	5
1.5 Model Pengurusan Intervensi Krisis (CISM)	6
2.0 PELAKSANAAN PENGURUSAN INTERVENSI KRISIS (CISM)	
2.1 Peringkat Prakrisis	10
2.2 Peringkat Permulaan	10
2.3 Peringkat Pertengahan	12
2.4 Peringkat Pasca Intervensi	13
2.5 Peringkat Penamatan	13
3.0 PENUTUP	16
LAMPIRAN	18
RUJUKAN	48
FAQ SOALAN LAZIM	52
PEMBINA BUKU PANDUAN	56

SENARAI RAJAH

Rajah 1	: Model Lima Peringkat Pengurusan dan Pelaksanaan Intervensi Krisis (CISM)	7
Rajah 2	: Tujuh Langkah Intervensi Krisis	12

SENARAI SINGKATAN

AKRAB	- Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam
BPsK	- Bahagian Psikologi dan Kaunseling
CISM	- <i>Critical Incident Stress Management</i>
DLSA	- Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam
IPGK	- Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	- Institut Pendidikan Guru Malaysia
JK	- Jawatankuasa
JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
P.CISM	- Pasukan CISM
PIBG	- Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIBKS	- Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta
PPD	- Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SLL	- Strategi Lima Langkah
SPI	- Surat Pekeliling Ikhtisas
SPP	- Surat Pekeliling Perkhidmatan
SOP	- Prosedur Operasi Standard





PENGENALAN

Buku panduan ini disediakan untuk dijadikan sebagai rujukan Kaunselor Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK), Bahagian Matrikulasi, Kolej Matrikulasi, Guru Bimbingan dan Kaunseling, ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) atau pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan intervensi krisis kepada semua warga KPM. Kandungan buku panduan ini meliputi perkara seperti matlamat dan objektif, takrifan krisis, kategori jenis dan fasa, teoritikal intervensi krisis, dan pelaksanaan pengurusan intervensi krisis (CISM).

Buku panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 6 Tahun 2021 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Sumber Manusia Versi 1.0 Tahun 2022 untuk memastikan Buku Panduan Intervensi Krisis (CISM) digunakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Intervensi Krisis.

1.1 Punca Kuasa

Punca kuasa untuk melaksanakan intervensi krisis (CISM) adalah seperti berikut:

- 1.1.1 SPI Bilangan 6 Tahun 2021 yang berkuat kuasa pada 11 Ogos 2021, iaitu Penambahbaikan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan di bawah KPM. SPI ini hendaklah dibaca bersama-sama surat siaran, surat makluman dan arahan serta peraturan yang sedang berkuat kuasa dan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. (Lampiran 1)
- 1.1.2 SPP Sumber Manusia Versi 1.0 Tahun 2022 yang menyatakan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSA) diperkenalkan melalui SPP Bilangan 6 Tahun 2005 yang menetapkan bahawa setiap anggota sektor awam perlu melengkapkan diri dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang serta berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Oleh itu, dengan adanya latihan pengurusan intervensi krisis dalam kalangan anggota sektor awam, khususnya kepada Kaunselor Pendidikan Negeri dan Daerah, Kaunselor Pendidikan di IPGM atau IPGK, Kaunselor Pendidikan di Kolej Matrikulasi

serta Guru Bimbingan dan Kaunseling, diharapkan pengetahuan serta kemahiran dapat diperoleh untuk melaksanakan intervensi krisis kepada semua warga KPM yang terkesan dari aspek psikologi dan emosi apabila berlakunya sesuatu krisis.

- 1.1.3 Dasar Pendidikan Kebangsaan (2017) menyatakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling secara menyeluruh dan berkualiti tinggi kepada warga KPM bagi pembangunan kesejahteraan modal insan yang beramanah, berintegriti, kreatif serta inovatif melalui strategi pelaksanaan:
 - a. Mematuhi garis panduan perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang komprehensif.
 - b. Memperkukuh kompetensi Kaunselor Pendidikan.
 - c. Melaksanakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling secara holistik.
 - d. Memastikan keperluan psikologi dan kaunseling warga KPM dipenuhi.
 - e. Memantapkan kualiti perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam pengurusan sumber manusia dengan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi Kaunselor Pendidikan ke tahap optimum secara berterusan.
 - f. Melaksanakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).

- 1.1.4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dalam anjakan keempat, iaitu mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan menyatakan bahawa kualiti guru merupakan faktor asas untuk menentukan keberhasilan murid. Oleh itu, warga KPM perlu dibekalkan dengan segala ilmu pengetahuan, khususnya yang berkaitan dengan intervensi krisis bagi memastikan murid dapat dibantu apabila sesuatu krisis berlaku di sekolah.

- 1.1.5 Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha yang berterusan ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

1.2 Tujuan

Tujuan pembinaan buku panduan ini ialah:

- 1.2.1 Memberikan panduan kepada Kaunselor Pendidikan KPM, JPN, PPD, IPGK, Bahagian Matrikulasi dan Kolej Matrikulasi, Guru Bimbingan dan Kaunseling, ahli AKRAB atau pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan intervensi krisis (CISM).
- 1.2.2 Buku panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama SPI, surat siaran, arahan dan peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa serta yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Buku panduan ini terpakai kepada Kaunselor Pendidikan Bahagian, JPN, PPD, IPGK, Kolej Matrikulasi, Guru Bimbingan dan Kaunseling, ahli AKRAB atau pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan intervensi krisis.

1.3 Objektif

Objektif pembinaan buku panduan ini ialah:

- 1.3.1 Memahami peranan dan tanggungjawab organisasi KPM dalam pelaksanaan dan pengurusan intervensi krisis (CISM).
- 1.3.2 Mengetahui punca kuasa pelaksanaan intervensi krisis (CISM).
- 1.3.3 Memberikan panduan dan tatacara pelaksanaan intervensi krisis (CISM).
- 1.3.4 Memahami peringkat-peringkat pelaksanaan intervensi krisis (CISM).
- 1.3.5 Memahami penilaian risiko krisis dan keberkesanan intervensi krisis (CISM).

1.4 Takrifan dan Kategori

1.4.1 Takrifan Krisis

Perkataan “krisis” berasal daripada perkataan Yunani, iaitu “krisis” yang bermaksud keputusan atau titik perubahan (Shaluf, Ahmadum @ Said, 2003). Perkataan krisis kemudian didefinisikan dengan lebih spesifik dan terperinci oleh banyak pengkaji, khususnya dalam bidang psikologi dan kaunseling. Perkembangan dan perubahan definisi krisis berkait rapat dengan dua pendapat yang berbeza, iaitu sama ada krisis ialah kejadian pencetus yang membawa kepada ketidakseimbangan atau krisis merupakan respon atau tindak balas individu terhadap kejadian pencetus yang dipengaruhi oleh sifat diri.

Klein dan Lindemann (1961) menyatakan krisis sebagai “*an emotionally hazardous situation*”, iaitu situasi yang mengganggu dan mengancam emosi serta berkait dengan perubahan sosial dalam lingkungan kewujudan individu seperti perubahan jangkaan terhadap diri atau hubungan dengan orang lain. Kategori ancaman utama termasuk:

- a. Kehilangan atau ancaman kehilangan hubungan signifikan.
- b. Kehadiran satu atau lebih individu baharu dalam kehidupan.
- c. Transisi status sosial dan peranan dalam hubungan disebabkan oleh kematangan (seperti memasuki alam remaja), peranan sosial yang baharu (seperti perkahwinan) atau mobiliti sosial (seperti kenaikan pangkat yang mendedahkan individu kepada tanggungjawab baharu).

Intervensi krisis ialah rawatan kecemasan psikologikal kepada mangsa krisis untuk membantu mereka kembali ke tahap kefungsi adaptif dan mencegah atau mengurangkan impak negatif daripada trauma (Flannery & Everly, 2002).

Makna krisis pada peringkat permulaan dikaitkan sebagai kejadian pencetus. Ciri-ciri kejadian pencetus adalah seperti berikut:


- a. Krisis dilihat sebagai satu ancaman.
- b. Wujud ketidakmampuan individu untuk berhadapan dengan impak kejadian yang memberikan tekanan.
- c. Meningkatkan ketakutan, tekanan dan/atau kekeliruan yang tinggi.
- d. Keadaan ketidakseimbangan yang membawa perubahan pantas.

1.5 Model Intervensi Krisis CISM

1.5.1 Kategori Krisis

Krisis terbagi kepada dua, yaitu:

- a. Krisis Perkembangan ialah krisis yang melibatkan perubahan dalam peringkat-peringkat perkembangan hidup seperti kesedihan, kehilangan dan kebimbangan.
- b. Krisis Situasi terbagi kepada dua bahagian, iaitu krisis yang tidak dijangka dan berlaku secara tiba-tiba seperti bencana alam (banjir, gempa bumi, penyakit berjangkit dan sebagainya) dan krisis yang berlaku daripada perbuatan manusia (kes rogol, kemalangan, kehamilan luar jangka dan sebagainya).



Rajah 1: Model Lima Peringkat Intervensi Krisis CISM

Model Lima Peringkat Intervensi Krisis CISM didasari oleh Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (Edisi Keempat) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan spiritual yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan prestasi warga KPM. Salah satu inisiatif yang harus dilaksanakan di semua organisasi ialah Strategi Lima Langkah (SLL) yang menggariskan lima langkah yang perlu diikuti untuk menetapkan panduan yang sesuai bagi sesuatu krisis. Melalui SLL, warga KPM mampu mengenal pasti isu yang wujud dan meletakkan keutamaan kepada krisis yang serius. Kaedah ini memberikan gambaran intervensi yang sesuai untuk mengatasi krisis tersebut.

1.5.2 Terdapat lima langkah dalam Intervensi Krisis (CISM) iaitu:

Krisis terbahagi kepada dua, iaitu:

- a. Peringkat prakrisis
- b. Peringkat permulaan
- c. Peringkat pertengahan
- d. Peringkat pasca krisis
- e. Peringkat penamatan



PELAKSANAAN INTERVENSI KRISIS (CISM)

Pengurusan CISM merupakan satu perkhidmatan yang disediakan oleh BPsK, KPM bagi membantu warga KPM untuk menghadapi krisis yang berlaku. Pelaksanaan CISM melibatkan aliran prosedur pengurusan intervensi krisis. (rujuk Lampiran 2)

2.1 Peringkat Prakrisis

Pada peringkat prakrisis, antara tindakan yang perlu dilaksanakan ialah:

- 2.1.1 Menubuhkan jawatankuasa pengurusan intervensi krisis di peringkat KPM, negeri, daerah dan institusi yang terlibat. (Rujuk Lampiran 1)
- 2.1.2 Mengadakan mesyuarat jawatankuasa pengurusan intervensi krisis di semua peringkat. (Rujuk Lampiran 2)
- 2.1.3 Melantik jawatankuasa dan pasukan intervensi krisis. (Rujuk Lampiran 3: Surat Arahan Pelaksanaan. CISM)
- 2.1.4 Melaksanakan program pendidikan pengurusan intervensi krisis di peringkat bahagian, negeri, daerah dan sekolah.

2.2 Peringkat Permulaan

Pada peringkat ini jawatankuasa perlu mendapatkan maklumat awal daripada pihak berautoriti, keluarga dan sumber lain-lain bagi mengenal pasti krisis yang dihadapi oleh mangsa. Pihak berautoriti merujuk kepada pihak berkuasa yang berkaitan dengan keadaan krisis yang berlaku. Masa yang sesuai untuk proses ini adalah antara 24 hingga 48 jam selepas kejadian berlaku. (Sila rujuk Jadual 1)

Persediaan memulakan intervensi krisis dan Jadual 2: Tindakan semasa memulakan intervensi krisis dalam Lampiran 4.

2.2.1 Pasukan CISM 2.0 perlu membuat penilaian risiko berdasarkan tiga aspek berikut:

a. Menilai kesiapsiagaan Pasukan CISM

Proses ini mengambil kira aspek kesihatan fizikal, kesihatan mental, dan spiritual pasukan intervensi CISM. Instrumen Tahap Kesiapsiagaan Pasukan CISM berdasarkan skala satu hingga 10 digunakan pada ketika ini (Rujuk Lampiran 5). Individu yang mendapat skor tujuh dan ke atas berkeupayaan untuk menjalankan intervensi. Bagi individu yang mendapat skala tujuh ke bawah, individu tersebut hanya menjalankan tugas lain yang bersesuaian.

b. Menilai situasi kejadian

Lokasi kejadian ditinjau dengan melihat aspek tahap risiko yang dihadapi oleh mangsa dan menilai keperluan peralatan yang diperlukan. Semua prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan perlu dipatuhi. Jawatankuasa mengisi borang tinjauan awal CISM (Rujuk Lampiran 6).

c. Menilai situasi mangsa

Mangsa atau keluarga/penjaga dihubungi bagi mendapatkan persetujuan untuk menjalankan intervensi. Selepas persetujuan diperolehi, proses seterusnya akan diteruskan dengan mengikut SOP yang ditetapkan. Jika persetujuan tidak diperolehi, intervensi tidak perlu dilaksanakan. Dalam tempoh satu minggu, proses menilai situasi mangsa akan dibuat semula.

2.2.2 Langkah-langkah selepas penilaian dilaksanakan:

- a. Pasukan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berautoriti untuk melaksanakan intervensi krisis.
- b. Pasukan berkumpul di pusat yang ditetapkan dan mendapatkan taklimat daripada pihak berautoriti.
- c. Pasukan mengenal pasti bahan-bahan dan peralatan yang diperlukan semasa melaksanakan intervensi krisis.

2.3 Peringkat Pertengahan

Pada peringkat ini, langkah-langkah pelaksanaan intervensi krisis seperti berikut:

- 2.3.1 Pasukan perlu mengenal pasti tempat yang sesuai untuk menjalankan intervensi krisis dan perlu memastikan mangsa-mangsa berada dalam keadaan yang selamat sebelum menjalani sesi.
- 2.3.2 Pasukan CISM seterusnya melaksanakan sesi mengikut kesesuaian sama ada secara individu atau kelompok dan mengisi borang Ujian Pra Penilaian Tahap Risiko (Sila rujuk Lampiran 7a). Pasukan CISM perlu membimbing klien atau ahli kelompok untuk melaksanakan penilaian sendiri tentang tahap risiko dalam domain afektif, kognitif dan tingkah laku. Seterusnya, Pasukan CISM membuat rumusan awal tentang tahap penilaian risiko klien atau ahli kelompok.
- 2.3.3 Terdapat tujuh langkah dalam intervensi krisis yang dibahagikan kepada dua fasa, iaitu fasa mendengar dan fasa tindakan seperti gambar rajah di bawah. Model ini diadaptasi daripada Model Intervensi Krisis Enam Langkah (James, 2008) dan Model Intervensi Krisis Tujuh Tahap Roberts (Roberts, 1990).



Rajah 2: Tujuh Langkah Intervensi Krisis

- 2.3.4 Pasukan CISM menjalankan intervensi yang bersesuaian kepada klien atau ahli-ahli kelompok.
- 2.3.5 Setelah selesai melaksanakan intervensi krisis, Pasukan CISM perlu memastikan klien mengisi borang Pasca Penilaian Tahap Risiko. (Rujuk Lampiran 7b)

2.4 Peringkat Pasca CISM

Panduan khusus pasca CISM adalah seperti berikut:

- 2.4.1 Memberikan sokongan psikologi kepada mangsa, keluarga dan kakitangan ketika menghadapi krisis.
- 2.4.2 Membuat pemantauan secara berkala untuk memberikan sokongan psikologi kepada mangsa.
- 2.4.3 Membuat rujukan kepada pihak tertentu/pakar untuk memberikan bantuan susulan jika perlu.
- 2.4.4 Menyediakan laporan mengenai status mangsa yang terlibat. (Rujuk Lampiran 9)
- 2.4.5 Membuat pascanilai (syor dan cadangan) kepada pihak pasukan intervensi krisis.
- 2.4.6 Mengambil tindakan susulan sama ada secara bersemuka atau dalam talian.

2.5 Peringkat Penamatan

Pada peringkat ini, pasukan intervensi memberikan maklum balas akhir tentang kemajuan diri klien dan perkara yang telah berubah dalam hidupnya. Aktiviti susulan dan penamatan juga akan dilaksanakan pada peringkat ini. Proses pelaksanaan penamatan membolehkan klien melihat ke hadapan tanpa rasa kesal atau rasa kehilangan. Tindakan susulan diambil sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan selepas intervensi tamat bagi mengemas kini status kemajuan klien. Pada tahap ini, klien diminta untuk membuat penilaian keberkesanan perkhidmatan intervensi dengan menjawab:

- a. Ujian Pasca Penilaian Tahap Risiko.
(Sila rujuk Lampiran 10)
- b. Borang Maklum Balas Sesi.
(Sila rujuk Lampiran 8a atau Lampiran 8b)





PENUTUP

Buku panduan pengurusan Intervensi Krisis (CISM) merupakan inisiatif BPSK untuk membantu meningkatkan tahap kesedaran mengurus krisis kepada Kaunselor Pendidikan KPM, Bahagian Matrikulasi, Kolej Matrikulasi, IPGM, IPGK, JPN, PPD, Guru Bimbingan dan Kaunseling, ahli AKRAB atau pihak yang terlibat.

Jawatankuasa yang telah dikenal pasti dalam pengurusan intervensi krisis (CISM) adalah penting bagi mengurus krisis yang berlaku dalam organisasi dan membantu melaksanakan intervensi krisis (CISM). Jawatankuasa ini juga menggerakkan pihak yang terlibat bagi mengurus intervensi krisis (CISM) dengan jayanya.

Buku panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama SPI Bilangan 6 Tahun 2021 dan SPP Sumber Manusia Versi 1.0 Tahun 2022 untuk memastikan Intervensi Krisis dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Buku panduan ini juga menyokong Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 6 Tahun 2021 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Sumber Manusia Versi 1.0 Tahun 2022 dalam aspek psikologi.

Dengan adanya buku panduan ini adalah diharapkan semua pihak yang terlibat dapat membantu warga KPM dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi semasa menghadapi krisis dan seterusnya meningkatkan prestasi secara holistik.



Senarai Dokumen Yang Berkaitan

Bil.	Borang	Lampiran
1	Carta Alir Pelaksanaan Dan Pengurusan Intervensi Krisis (P.CISM)	Lampiran 1
2	Jawatankuasa Pengurusan CISM	Lampiran 2
3	Peranan dan Tanggungjawab Organisasi	Lampiran 3
4	Surat Lantikan dan Arahan Pelaksanaan CISM	Lampiran 4
5	Jadual 1: Persediaan memulakan intervensi krisis Jadual 2: Tindakan semasa memulakan intervensi krisis	Lampiran 5
6	Instrumen Tahap Kesiapsiagaan Pasukan (CISM)	Lampiran 6
7	Borang Tinjauan Awal CISM	Lampiran 7
8	Borang Pra dan Pasca Penilaian Tahap Risiko	Lampiran 8a Lampiran 8b
9	Panduan Pasukan CISM Domain Afektif, Kognitif dan Tingkahlaku	Lampiran 9
10	Borang Penilaian Tahap Risiko	Lampiran 10
11	Borang Laporan Maklum Balas Sesi Individu (Sulit) Borang Laporan Maklum Balas Sesi Kelompok (Sulit)	Lampiran 11
12	Pelaporan dan Data Akhir Intervensi Krisis (CISM)	Lampiran 12
13	Borang Penilaian Sesi Intervensi Krisis (CISM)	Lampiran 13
14	Contoh Jawatan kuasa Pelaksanaan Di Organisasi dan Perincian Tugas Pasukan CISM	Lampiran 14

LAMPIRAN 1

Carta Alir Pelaksanaan dan Pengurusan Intervensi Krisis (P.CISM)

TANGGUNG JAWAB/ PERANAN	PERINGKAT	CARTA ALIR	PROSES KERJA
KPM/ JPN/ PPD/ INSTITUT PENDIDIKAN/ SEKOLAH	PRA KRISIS	MULA	1. Membentuk P.CISM di Peringkat Organisasi
	PERMULAAN	MEMBUAT PENILAIAN RISIKO	1. Kesiapsiagaan Pasukan (Borang Tinjauan Awal CISM 2.0) 2. Menilai Situasi Kejadian 3. Menilai Situasi Mangsa
P.CISM	PERTENGAHAN	Setuju intervensi / Tidak Setuju intervensi / Susulan setuju dalam tempoh 1 minggu	1. Mengenalpasti tempat untuk menjalankan intervensi 2. Ujian Pra Penilaian Tahap Risiko (Rujuk Lampiran 7a)
P.CISM	PASCA	PELAKSANAAN CISM	1. Melaksanakan intervensi mengikut kes
P.CISM	PENAMATAN	PENYEDIAAN LAPORAN / PENAMATAN/ SUSULAN	1. Sokongan Psikologi 2. Pemantauan Berkala 3. Rujukan Pakar 4. Laporan Status mangsa 5. Post Mortem 6. Tindakan susulan 1. Ujian Pos Penilaian Tahap Risiko (Rujuk Lampiran 7b) 2. Borang Penilaian Sesi 3. Laporan perlu dihantar dalam tempoh 14 hari kepada ketua jabatan selepas intervensi krisis (CISM) 4. Susulan perlu dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan 5. Kaunselor Pendidikan perlu merekod dalam sistem e-2PK KPM/GBK perlu merekod dalam SePKM.

JAWATANKUASA PENGURUSAN CISM

BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

Penaung	Ketua Setiausaha (KSU) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM)
Penasihat	Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (TKPPM)
Pengerusi	Setiausaha Bahagian Bahagian Psikologi dan Kaunseling
Timbalan Pengerusi	- Timbalan Setiausaha Bahagian (Cawangan Operasi) - Timbalan Setiausaha Bahagian (Cawangan Organisasi) - Timbalan Setiausaha Bahagian (Cawangan Pembangunan Strategik)
Setiausaha	Ketua Penolong Setiausaha (KPSU/KU UMI)
Bendahari	Ketua Penolong Setiausaha (KPSU UMI)

NEGERI

Pengerusi	Pengarah Pendidikan Negeri
Timbalan Pengerusi	Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri
Setiausaha	Ketua Kaunselor Pendidikan Negeri
Ahli	- KPP HEM Sektor Pembangunan Murid - Kaunselor Pendidikan Negeri - YDP Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan Negeri - Pengerusi AKRAB Negeri

DAERAH

Pengerusi	Ketua Pegawai Pendidikan Daerah
Timbalan Pengerusi	Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah
Setiausaha	Kaunselor Pendidikan Daerah
Ahli	<ul style="list-style-type: none">- Kaunselor Pendidikan Daerah- YDP Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan Daerah- Penolong Pegawai HEM Daerah- Pengerusi AKRAB Daerah

INSTITUSI PENDIDIKAN (IPGK/KOLEJ MATRIKULASI)

Pengerusi	Pengarah
Timbalan Pengerusi	Timbalan Pengarah
Setiausaha	Ketua Unit Psikologi dan Kaunseling
Ahli	<ul style="list-style-type: none">- Kaunselor Pendidikan Institusi- Jabatan Hal Ehwal Pelajar- Warden Asrama/Felow- Pengerusi AKRAB- Pengerusi Pembimbing Rakan Siswa Pendidik (PRSD)- Pembimbing Rakan Dinamik (PRD)

SEKOLAH

Pengerusi	Pengetua/Guru Besar
Timbalan Pengerusi	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
Setiausaha	- Ketua Guru Bimbingan Dan Kaunseling - Guru Bimbingan Lantikan Dalaman
Ahli	- Guru Bimbingan dan Kaunseling - Guru Kelas - Guru Kebajikan/Kesihatan - Guru Disiplin - Guru Keselamatan - Warden Asrama - PIBG/PIBK - PRS

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ORGANISASI

BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

BIL.	PERKARA
1.	Merupakan Agensi Peneraju Utama (focal point) pengurusan intervensi krisis di peringkat Kementerian Pendidikan.
2.	Mengeluarkan strategi, arahan, pelan tindakan, hala tuju dan dasar dalam pengurusan intervensi krisis.
3.	Memastikan pengamalan serta pelaksanaan dasar dan mekanisme pengurusan intervensi krisis.
4.	Mengawal selia dan membuat pengauditan dalam pengurusan intervensi krisis yang dijalankan di peringkat negeri/daerah/institusi pendidikan dan sekolah dan mengarahkan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan intervensi krisis.
5.	Memberikan latihan kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Intervensi Krisis di setiap peringkat organisasi di bawah Kementerian Pendidikan.
6.	Mengurus dan mengatur gerakkan Jawatankuasa Intervensi Krisis untuk memberikan perkhidmatan.
7.	Menyelaraskan pengendalian latihan pengurusan intervensi krisis dari semasa ke semasa.
8.	Memantau dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pengurangan risiko krisis bagi mencegah atau mengurangkan impak krisis.
9.	Merancang, menyelaraskan serta mengawasi pelaksanaan strategi kependidikan, latihan dan kesedaran kepada warga Kementerian Pendidikan ketika menghadapi dan mengurangkan risiko krisis.
10.	Memberikan khidmat nasihat mengenai pengendalian serta pengurusan intervensi krisis.
11.	Mengadakan pascanilai tentang pengendalian intervensi krisis selepas sesuatu krisis.

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

BIL.	PERKARA
1.	Memastikan pelaksanaan arahan dan mekanisme pengurusan intervensi krisis (CISM).
2.	Mengawal selia pelaksanaan pengurusan intervensi krisis di setiap daerah dan mengarahkan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan intervensi krisis.
3.	Memberikan khidmat keurussetiaan kepada Pasukan Pengurusan Intervensi Krisis (CISM) di setiap peringkat organisasi.
4.	Menyelaraskan dan berhubung dengan Jawatankuasa/Pasukan Intervensi Krisis di peringkat negeri dari semasa ke semasa.
5.	Memantau dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pengurangan risiko krisis bagi mencegah atau mengurangkan impak krisis.
6.	Merancang, menyelaraskan serta mengawal selia pelaksanaan latihan dan kesedaran kepada warga pendidikan di peringkat negeri ketika menghadapi dan mengurangkan risiko krisis.
7.	Memberikan khidmat nasihat mengenai pengendalian serta pengurusan intervensi krisis.
